



## MAJLIS DAERAH PONTIAN

1. (a) SKIM PERKHIDMATAN : PENOLONG PEGAWAI KESIHATAN PERSEKITARAN U29
- (b) KUMPULAN PERKHIDMATAN : PELAKSANA
- (c) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERUBATAN DAN KESIHATAN
- (d) GRED : U29

2. JADUAL GAJI :

GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM	KADAR KENAIKAN GAJI TAHUNAN
RM1,797.00	RM5,753.00	RM145.00

3. SYARAT LANTIKAN
- 3.1 Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-
- (a) warganegara Malaysia;
  - (b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
  - (c) (i) Diploma dalam bidang kesihatan persekitaran yang diiktiraf oleh Kerajaan dari institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

**(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: RM1,797.00)**

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU :
- Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Keupujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

- 5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN** : Pegawai yang sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu kesihatan Awam adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :
- (a) Mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan
  - (b) Had umur pelantikan :
    - (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
    - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun, atau
    - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.
- 6. PENETAPAN GAJI PERMULAAN** : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum Gred lantikan boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan.
- 7. TEMPOH PERCUBAAN** : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun.
- 8. LATIHAN** : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- 9. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/ PEPERIKSAAN** : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda dan lulus peperiksaan perkhidmatan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
- 10. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN** : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah:
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) Memiliki Sijil Pembantu Kesihatan Awam yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf dengannya [bagi pegawai yang dilantik menggunakan kelayakan di perenggan 3.1(c)(i)];

(c) Hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan; dan

(d) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan.

**11. PERGERAKAN GAJI  
TAHUNAN**

: Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.

**12. TARAF JAWATAN**

: **TETAP**

## **CARA-CARA PERMOHONAN**

1. Permohonan hendaklah dibuat menggunakan Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati secara **percuma** di **Majlis Daerah Pontian** atau boleh dimuat turun di laman web: <http://www.mdpontian.gov.my>.
2. **Borang permohonan hendaklah ditampal dengan sekeping gambar berukuran passport** serta disertakan dokumen-dokumen berikut yang telah diakui sah:-
  - 1.1 Salinan kad pengenalan
  - 1.2 Salinan sijil kelahiran
  - 1.3 Salinan sijil-sijil persekolahan
  - 1.4 Salinan kelulusan akademik
  - 1.5 Salinan transkrip keputusan peperiksaan
  - 1.6 Lain-lain dokumen sokongan
3. Borang permohonan jawatan yang telah lengkap diisi hendaklah dihantar kepada:-

**Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pontian  
Jalan Alsagoff  
82000 Pontian**

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : FEBRUARI 2020**

4. Permohonan dari **pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat** dengan Kerajaan / Pihak Berkuasa Tempatan / Badan Berkanun **hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing** mengikut Peraturan 18 di bawah Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 dan hendaklah disertakan dengan Salinan Penyata Rekod Perkhidmatan yang dikemaskini serta Laporan Nilai Prestasi Tahunan terkini;
5. **Permohonan yang lewat, tidak lengkap atau tidak mengikut syarat di atas akan ditolak;**
6. Bagi kelayakan Ijazah / Diploma / Sijil perlu melampirkan pengiktirafan kelayakan di Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) melalui laman web interaktif <http://www.interactive.jpa.gov.my/WebInteraktif/frmsenaraipengiktirafanbaru.asp> bersama borang permohonan.
7. Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. **Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai tidak berjaya.**

t.t

**NOR SYAZLAN BIN ABD RAZAK  
Yang Dipertua  
Majlis Daerah Pontian  
Jalan Alsagoff  
82000 Pontian**